

KSK labur RM568 juta beli tanah di Jalan Conlay

KUALA LUMPUR - KSK Group Bhd. (KSK) menandatangani satu perjanjian jual beli dengan Suasana Simfoni Sdn. Bhd. bagi pembelian sebidang tanah di Jalan Conlay di sini dengan nilai RM568 juta.

Ia merupakan pembelian hartanah pertama bagi projek usaha sama antara pemaju perumahan baharu milik KSK yang akan dilaksanakan menerusi anak syarikatnya, KSK Land Sdn. Bhd. (KSK Land).

Ketua Pegawai Eksekutif KSK

dan Pengarah Urusan KSK Land, Joanne Kua berkata, tapak tersebut merupakan sebidang tanah hak milik pegangan bebas seluas 1.599 hektar yang telah diluluskan untuk projek pembangunan bercampur.

"Kami optimis terhadap prospek projek hartanah ini memandangkan lokasinya yang strategik dalam salah satu kawasan terpilih di pusat bandar raya Kuala Lumpur serta dikelilingi pelbagai mer-

cu tanda termasuk Menara Berkembar Petronas dan pusat beli-belah seperti Suria KLCC serta

Pavilion.

"Dengan pelbagai projek pembangunan secara berterusan yang dijalankan di sekitarnya, kami yakin akan mendapat manfaat yang positif daripada projek itu," kata

beliau dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Sementara itu, Joanne menjelaskan, KSK Land akan terus mengintai peluang mencari kawasan berpotensi bagi memperluaskan bank tanah syarikat di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor.